

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM**  
**ISTIADAT KONVOKESYEN KHAS UniMAP**  
**PADA 16 MAC 2011 DI DEWAN WARISAN, KANGAR**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP

dan Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat hadir

ke Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Khas UniMAP pada malam ini.

Patik sekalian warga UniMAP mengalungkan doa semoga Duli Tuanku berdua dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, rahmat, taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala untuk terus kekal qarar di atas takhta singgahsana dengan aman, damai dan sejahtera.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

Yang Amat Berbahagia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri Ke-4 Malaysia, Penerima Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan

Dan

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Penerima Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri

Yang Berhormat Datuk Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yg Bhg Datin,

Yang Arif Tuan Mohd. Zaki Bin Abd. Wahab, Hakim Mahkamah Tinggi.

Yang Berhormat, Datuk Azizan Bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yg. Bhg Datin

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Isteri,

Y. Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis dan Yang Berbahagia Puan Seri.

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia Dif-Dif Kehormat, Naib-naib Canselor IPTA atau wakil dan Naib Canselor/Rektor universiti luar negara atau wakil, dan Wakil-wakil Industri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati, Warga kerja dan para hadirin yang dikasihi sekalian.

Bahagian Media PNC - SUHANA

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An  
Khair, Sawadi Kharp

**Melati kuntum tumbuh melata,  
Sayang merbah di pohon cemara;  
Assalammualaikum mulanya kata,  
Saya sembah pembuka bicara.**

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang memanjangkan usia serta memberikan kesihatan yang baik buat kita semua hingga membolehkan kita berhimpun dan bertemu dalam Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Khas UniMAP pada malam ini.

Terlebih dahulu, izinkan saya, selaku Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, mewakili diri saya dan seluruh warga UniMAP, mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, *Ahlan wa-Sahlan wa-Marhaban Bikum*; dan khususnya mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia, dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ke Universiti Malaysia Perlis.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah juga dititipkan diucapkan kepada ahli jawatankuasa Majlis Santapan Malam kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

**Bulan purnama ke pekan Kuah,  
Di tengah hari membeli ragi;  
Dirimu umpama nyiur bertuah,  
Padat sari harum mewangi.**

**Curah serbat di atas lantai,  
Basah tikar lupa disidai;  
Dikau ibarat karang di pantai,  
Tak pernah gentar dipukul badai.**

Sesungguhnya, perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad terlalu banyak untuk diperkatakan. Pelbagai buku baik dari penulis tempatan mahupun antarabangsa telah diterbitkan khusus untuk menceritakan kehebatan anak kelahiran Kedah ini. Dan yang terbaru, “A Doctor In The House” hasil penulisan Yang Amat Berbahagia Tun sendiri telah diterbitkan di pasaran. Saya pasti, ramai di kalangan kita telah membaca pelbagai coretan dan catatan bersejarah Yang Amat

Berbahagia Tun dalam mentadbir negara semenjak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981.

Atas sebab itulah jua, UniMAP, sebagai sebuah universiti yang dicetuskan oleh Yang Amat Berbahagia Tun sendiri berasa amat bertuah dan berbangga untuk meraikan insan istimewa kebanggan negara ini dalam satu istiadat Konvokesyen Khas.

Sepanjang tempoh 22 tahun (*dari 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003*) sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah membangunkan Malaysia dan meletaknya di persada kecemerlangan dan kegemilangan.

Tidak ada kata yang mampu diungkap untuk menjelaskan segala usaha, budi dan jasa Yang Amat Berbahagia Tun – yang pada asalnya seorang Doktor Perubatan tetapi mampu menjadi Bapa Pembangunan Moden - dalam membangunkan Malaysia sehingga kita semua, sebagai rakyat Malaysia, dapat hidup dalam kemakmuran dan dihormati dunia.

Pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, bukan sahaja dari segi fizikal, malah dalam pembangunan insan, sumber manusia dan juga keagamaan juga; dan semua itu adalah amat membanggakan kita.

Maka atas sebab itulah, saya memilih untuk tidak berbicara panjang pada malam ini. Tetapi izinkan saya menzahirkan rasa kebanggaan saya ini melalui puisi yang dicipta khas untuk majlis ini.

## **NEGARAWAN ULUNG NEGARAWAN GEMILANG**

(BUAT TUN DR.MAHATHIR)

i)

Seorang anak melayu,  
lahir biasa cuma,  
tiada pusaka,  
tiada magika,  
bukanpun keturunan siapa-siapa.

Menginjak besar,  
mencipta langkah,  
melihat jauh,  
mahu bangsanya,  
Melayu bangkit  
dan bersatu

tiada TIDAK,  
dalam kamus hidupnya,  
tiada mustahil,  
selagi belum mencuba,  
tiada gagal,  
yang tidak percaya



keimpinannya,  
lahir dengan sendirinya,  
menonjol antara ramai seusianya,  
sejak sekolah,  
hingga menara gading,  
menggalas misi, mahu bangsanya tinggi di awan.

ii)  
Seorang papa,  
datuk,  
mamanda,  
ketua negara,  
yang bukan untuk mengangguk sahaja,  
biar ada yang busuk,  
fitnah dan cerca,  
dia gagah di pentas dunia

kala mencipta satu cita-cita,  
tentang sebuah kereta nasional,  
ada sumbang suara berkata,  
itu anggan-angan yang entah apa-apa  
tapi melatah bukanlah dia,  
nah! dari Saga hingga Exora,  
Isnpira dialah inspirasinya  
yang ketawa dulunya,  
kini diam seribu bahasa.

Wawasan 2020,  
dia juga pencetusnya,  
dua menara mercu negara,  
malaysia masyhur,  
di peta dunia.

Kala beraksi,  
di pentas dunia,  
kuasa gergasi tiada gentarnya,  
bila tak kena,  
dikritik bersahaja,  
hingga diangkat,  
pemimpin Islam ternama.

Terlalu banyak air matanya tumpah,  
kerana negara, agama dan bangsa,  
bila merajuk bukan tidak cinta,  
cuma lahir rasa kecewa.

Pemimpin satu tiada duanya,  
kebanggaan rakyat  
berbilang bangsa,  
negarawan terbilang yang terus gemilang!

iii)

Tun,

Dalam dadamu penuh semangat

Denyut suara

Hati nurani seorang pemimpin

Seorang strategis

Seorang negarawan

Kental dengan cita

Meredah dunia, Merentas sempadan

Dalam dadamu penuh tenaga

Gerak nadi

Hati minda seorang pemikir

Sarat dengan idea

Merentas kejumudan

Kuat kerja kuat semangat

Disiplin yang tak pernah berputus harap

Mengungkai setiap simpul ilusi

Mencari jawab setiap misteri

Masih segar suara besarmu

Nada sinismu

Minda kritismu

Semangat kentalmu

Harapan sucimu

Set mindamu

Menterjemah dunia serba boleh  
Mengadun nekad  
Memacu kemajuan  
Membina keagungan

Pembangunan tak kenal lelah  
Dalam agenda negara bangsa  
Pandang timur pandang jauh  
Dalam wawasan 2020  
Putrajaya, cyberjaya,  
Klcc, proton drb-hicom  
Adalah inti pati harapanmu  
IT, Bio-Tek, Aero-Angkasa  
Adalah fikir depanmu  
Jambatan, Jalan Plus, LRT, ERL, F1  
Adalah gerak pantasmu

Di sini teguh pemikiran saintifik  
Kelestarian inovasi ipt-mtun  
Kemahiran dan ketrampilan kejuruteraan  
Suburnya kreativiti sains teknologi  
Menjengah setiap pekan desa  
Dalam arus keantarabangsaan  
Pemikiran global dan cabaran duniawi

Di sini wajahmu masih segar  
Mengungkai idea dan alam fikir  
Mengukir senyum senada suara  
Tegas memertabat ketamadunan negara

Hiduplah minda fikirmu  
Segarlah semangatmu  
Dalam negara tercinta ini.

***Idea/Konsep: Brig.Jen.Dato' Prof.Dr. Kamarudin Hussin***  
***Sajak: Prof. Dr. Ismail Abdullah Dan Syarizuan Rashid***

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah,menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat kami semua.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.